

## Bomba dedah bukti pusat tahfiz sengaja dibakar

TONG gas adalah antara bukti pusat tahfiz terbakar sengaja dibakar.



**Petrol, tong gas punca api merebak dengan cepat menyebabkan 23 mangsa sedang tidur gagal menyelamatkan diri**

**KEBAKARAN** pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Hujung, Kuala Lumpur pada 14 September lalu berlaku berpunca daripada api yang sengaja dinyalakan menggunakan petrol yang dicurahkan pada rak tuala, rak kasut dan dinding di hadapan pintu masuk asrama di tingkat tiga bangunan tersebut.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat

WAN MOHD. NOR pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.



**KEBAKARAN** di pusat tahfiz di Keramat, Kuala Lumpur pada Khamis lalu mengorbankan 23 nyawa.



POLIS membawa seorang remaja (dua dari kiri) ke bangunan pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Hujung, Kuala Lumpur semalam bagi membantu siasatan.

Malaysia, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, kebakaran tersebut kemudian merebak ke siling dan membakar pintu masuk dan seluruh bilik asrama sehingga mengorbankan 23 pelajar dan guru tahfiz. Jelas beliau, api merebak dengan cepat kerana suspek bertindak melepaskan gas daripada

dua buah silinder LPG yang diletakkan di hadapan pintu bilik asrama itu.

"Hasil analisis kesan kebakaran di hadapan pintu masuk bilik asrama mendapati empat sampel berkenaan mengandungi cecair mudah menyala jenis petrol," katanya pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

➔ LAPORAN DI MUKA 2 & 3